

Bil. S 42

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2011/2012) (BIL. 6), 2012

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 48/11) bertarikh 9 haribulan Ogos, 2011 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima ribu satu ratus tiga puluh juta, tujuh ratus lapan puluh lima ribu, enam ratus ringgit (\$5,130,785,600.00) telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan (2011/2012), 2011 (Akta 1 tahun 2011);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sembilan belas juta, lima ratus ribu, sembilan ratus dan dua puluh lapan ringgit (\$19,500,928.00) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 1), 2011 (S 81/11);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh lapan juta, satu ratus lapan belas ribu, enam ratus lima puluh sembilan ringgit dan tujuh puluh enam sen (\$28,118,659.76) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 2), 2012 (S 2/12);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat juta, dua ratus sembilan puluh satu ribu, satu ratus dua ringgit dan dua puluh sembilan sen (\$4,291,102.29) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 3), 2012 (S 8/12);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat puluh lapan juta, lapan ratus tiga puluh lapan ribu, dan tujuh ratus empat puluh tiga ringgit (\$48,838,743.00) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 4), 2012 (S 9/12);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah tujuh juta, lapan ratus dua puluh tiga ribu, enam ratus dua belas ringgit dan empat puluh dua sen (\$7,823,612.42) telah diperuntukkan melalui Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 5), 2012;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak sembilan puluh empat juta, empat ratus tujuh puluh lapan ribu, empat ratus lapan puluh dua ringgit (\$94,478,482.00);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 6), 2012.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2011/2012 dan peruntukan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan puluh empat juta, empat ratus tujuh puluh lapan ribu, empat ratus lapan puluh dua ringgit (\$94,478,482.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2011/2012, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2011/2012), 2011 (Akta 1 tahun 2011), Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 1), 2011 (S 81/11), Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 2), 2012 (S 2/12), Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 3), 2012 (S 8/12), Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 4), 2012 (S 9/12) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2011/2012) (Bil. 5), 2012 adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[1] Tajuk	[2] Gelaran	[3] Jumlah Yang Diperuntukkan kepada Tajuk
	JABATAN PERDANA MENTERI	
SK05A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$27,136,000.00
	KEMENTERIAN KEWANGAN	
SD05A	Perkhidmatan Rampaian	\$14,000,000.00
SD05A	Jabatan Perbendaharaan	\$16,000,000.00
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
SF01A	Jabatan Kementerian Pendidikan	\$11,342,482.00
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
SK03A	Jabatan Kerja Raya	\$26,000,000.00
		\$94,478,482.00

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 19 haribulan April, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM